

02/10/2003

PM puas hati pencapaian firma tempatan

LANGKAWI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpuas hati dengan pencapaian syarikat tempatan yang menyertai Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima) sehingga ada antaranya mengalami perkembangan pesat.

Perdana Menteri berkata, perniagaan syarikat berkenaan mengalami pertumbuhan dan kemajuan memberangsangkan sejak Lima pertama diadakan 12 tahun lalu.

Beliau berkata, jika pada permulaan Lima, syarikat berkenaan tidak tahu mengenai sesuatu teknologi, kini ia bukan saja mahir, malah sudah memilikinya.

"Ia bukan saja mempunyai keupayaan untuk mengeluarkan, malah boleh membina kapal perang di Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai Lima 03, selepas mempengerusikan mesyuarat Jemaah Menteri, di Rumah Kabinet, Gunung Raya, di sini semalam.

Lima 03 yang dirasmikan Dr Mahathir kelmarin, adalah yang terakhir baginya yang akan bersara pada akhir bulan ini.

Idea Lima dicetuskan Perdana Menteri dan kini menjadi antara agenda penting bagi pengeluar produk aeroangkasa dan maritim antarabangsa untuk mencari pasaran, khususnya bagi rantau Asia Pasifik.

Malah, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi jaminan peribadi bahawa kerajaan akan terus komited dalam penganjuran Lima.

Jaminan itu dinyatakan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak yang juga pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai Lima 03, ketika berucap pada pembukaan pameran kelmarin.

Lima 03 menampilkan 600 gerai pameran dari 25 negara yang menyertai segmen udara di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), manakala 204 gerai dari 17 negara mengambil bahagian dalam segmen maritim di Awana Porto Malai.